

Badan khas tangani pemalsuan cek ditubuh

LANGKAT 23 OKT. 2003. Kementerian Kewangan telah menubuhkan sebuah badan khas untuk menangani masalah pemalsuan cek milik beberapa buah kerajaan negeri melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, badan tersebut yang ditubuhkan baru-baru ini turut bertindak memantau segala urusan kerajaan.

Perhatian

Beliau berkata, selain memantau urusan jabatan-jabatan kerajaan, badan itu juga menumpukan perhatian terhadap badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat milik kerajaan.

“Sekarang kita tumpu pada badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat kerajaan.

“Tetapi dalam (jabatan) kerajaan pun kita pantau. Kita nak

segala laporan mesti dibuat secara berkala dan juga dengan cara format tertentu,” katanya.

Kehilangan

Dr. Mahathir diminta mengulas kes-kes pemalsuan cek melibatkan kerajaan negeri Pulau Pinang, Perlis, Perak, Melaka dan Selangor.

Pemalsuan cek kerajaan Pulau Pinang sebanyak lebih 500 keping misalnya telah menyebabkan kerajaan negeri itu kehilangan wang melebihi RM3 juta manakala yang terbaru membabitkan Melaka melibatkan wang bernilai RM1.29 juta.

Kegiatan penipuan tersebut dipercayai didalangi oleh satu sindiket dan menjadikan cek kerajaan negeri bernilai kurang RM10,000 sebagai sasaran penipuan atau pengklonan.